

Saham amanah pelaburan bina kewangan keluarga

SUNGAI PETANI 21 April - Saham amanah merupakan satu bentuk pelaburan yang berpotensi untuk membantu membina kewangan diri dan keluarga, kata Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Beliau berkata, pengaruh yang wujud dalam persekitaran pada waktu ini menuntut semua untuk membuat persediaan yang lebih dalam memenuhi tuntutan kewangan masa depan.

“Kelalaian untuk merancang kewangan selalunya dirasai ketika tibanya waktu keperluan dana untuk membiayai peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupan seperti keperluan pelajaran anak-anak atau pembelian rumah,” katanya dalam ucapan pada majlis perasmian Minggu Amanah Malaysia (MSAM) 2019.

Acara itu yang diadakan di pekarangan Amanjaya Mall di sini, bermula 19 April dan akan berakhir 25 April.

Zeti berkata, MSAM iaitu acara



MENTERI Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir (dua dari kiri) bersama Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali melakukan gimik perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2019 di Dataran Amanjaya Mall, Sungai Petani, Kedah, semalam. Turut sama Zeti Akhtar Aziz (kiri) dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

unit amanah tahunan PNB yang penting dianjurkan dengan bermatlamat meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai aspek pelaburan kewangan, dan

telah menarik lebih 3.8 juta pengunjung sejak mula diadakan pada tahun 2000.

Menurutnya, PNB yang ditubuhkan pada tahun 1978 sebagai

pengurus dana untuk membantu membangunkan ekonomi rakyat Malaysia, telah berjaya membawa pulangan pelaburan yang kompetitif kepada pelaburnya.

“Dalam tempoh melebihi 40 tahun, PNB telah berjaya mengharungi pelbagai keadaan getir dan krisis ekonomi serantau dan dunia yang sudah pasti ada naik dan turunnya.

“Tetapi dinilai secara keseluruhan, prestasi PNB sejak penubuhan adalah sesuatu yang boleh dibanggakan,” kata beliau.

Buat masa kini, PNB mempunyai 13.8 juta pemegang akaun yang mempunyai nilai aset sebanyak RM236.6 bilion, dan jika dicampurkan dengan dana syarikat sebanyak RM61.9 bilion, PNB bertanggungjawab ke atas sejumlah RM298.5 bilion aset, jelasnya.

Menurutnya lagi, ini merupakan tanggungjawab besar yang harus dijaga melalui pengurusan yang berhemah, profesional, telus dan amanah.

Bagi usaha PNB pada masa akan datang, Zeti berkata, fokus strategik utama PNB bagi tahun ini ialah pelaksanaan kajian semula dan pengemaskinian Pelan Strategik 2017 hingga 2022. - BERNAMA